

Gotong-royong tanam pokok

HUTAN Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU), Selangor merupakan hutan gambut seluas 960 hektar.

Namun pada 2017, kira-kira 95 hektar hutan paya gambut telah musnah dijilat api kerana sifat mudah terbakarnya serta cuaca panas dan kering yang melanda negara.

Demi memelihara dan memulihkan ekosistem yang sensitif ini, 200 sukarelawan termasuk 40 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) (Asli) Busut Baru dan SK (Asli) Bukit Cheeding, masyarakat setempat dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NG), serta wakil korporat seperti BOH Plantations dan Gamuda Land telah berganding bahu menyelamatkan hutan paya gambut tersebut.

Mereka bersama-sama menanam 600 pokok Tenggek Burung (*Melicope lunu-ankenda*), satu spesies perintis, di sebidang tanah 1 hektar di Kompleks Hutan 6, HSKLU.

Inisiatif penanaman pokok ini ialah sebahagian daripada program pengurusan air hutan dan pemulihan hutan yang sedang dijalankan di Landskap Hutan Paya Gambut Kuala Langat Utara, yang bertumpu pada pengurusan hidrologi gambut, pencegahan dan kawalan kebakaran.



CAROLINE RUSSELL (lima dari kiri) bersama **Dr. Mohd. Puat Dahalan** (paling kiri) dan **Pengarah Global Environment Centre (GEC), Faizal Parish** (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran Sahabat Hutan Gambut Kuala Langat Utara (SHGKLU) baru-baru ini.

Program tersebut turut menumpu kepada penyertaan Orang Asli dan masyarakat tempatan serta kerjasama sektor swasta untuk membantu pelaksanaan Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan untuk HSKLU 2017-2021.

Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, **Datuk Dr Mohd. Puat Dahalan**, ketika merasmikan majlis itu berkata, dengan menanam pokok, menyumbang kepada pemuliharaan dan pemulihan ekosistem hutan paya gambut.

"Hutan ini bukan sahaja unik tetapi juga penting kepada masyarakat Orang Asli di kawasan berhampiran kerana mereka bergantung kepada

hutan untuk sumber harian," katanya.

Turut memeriahkan acara ialah pelancaran Sahabat Hutan Paya Gambut Kuala Langat Utara (SHGKLU), kumpulan 'pelindung paya gambut' yang terbentuk dalam kalangan Orang Asli dari dua kampung, iaitu Kampung Bukit Cheeding dan Kampung Pulau Kempas.

Mereka ini akan bekerjasama untuk menangani isu-isu yang ada, di samping membantu pemuliharaan dan perlindungan HSKLU serta landskap sekitarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif BOH Plantations, **Caroline Russell**, gembira melihat generasi muda

tampil untuk menyokong pemuliharaan hutan paya gambut.

"Apabila rakyat Malaysia dan golongan belia menganggap alam sekitar ini sebagai milik dan tanggungjawab bersama, kita pasti dapat membantu menyelamatkan dan memelihara hutan paya gambut yang indah ini.

"Penglibatan BOH dalam inisiatif ini bermula pada 2015 melalui kerjasama kami dengan Global Environment Centre (GEC). Sepanjang tiga tahun ini, kami berbangga menjadi sebahagian daripada perubahan positif dalam alam sekitar," tambah Russell.

Pengarah Projek Gamuda Land, **Aw Sei Cheh**, pula

ADA aktiviti serta program berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) atau kemasyarakatan yang perlukan siaran akhbar. Hantar berita dan kenyataan akhbar berserta gambar kepada *Mega Komuniti* menerusi e-mel **megautusanmalaysia@gmail.com**.

Berita dan kenyataan akhbar dalam bahasa Malaysia akan diberikan keutamaan.

berkata, selaku pembangun bandar yang bertanggungjawab, pihaknya membina sambil mengambil kira kepentingan alam semula jadi dan persekitaran.

Katanya, syarikat tersebut percaya bahawa menggabungkan persekitaran yang sedia ada dengan pelan induk akan menjadikannya lebih mampan dan mesra masyarakat, justeru, telah bekerjasama untuk menyokong program pemuliharaan HSKLU sejak tahun 2015 lagi.

Usai acara, peserta dan tetamu berpeluang menyaksikan pameran istimewa mengenai hutan tanah gambut, kejayaan program usaha sama serta kraf tangan Orang Asli di Dewan Masyarakat Bukit Cheeding, sambil menikmati hidangan istimewa 'teh' BOH.

OKTOBER
6
SANTU 2018